

Prihatin keperluan penduduk

Tindakan mohon bina ban lebih awal berjaya elak air melimpah

PULAU CAREY - Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU) Negeri Selangor sentiasa peka dengan segala permohonan melibatkan keperluan rakyat.

Pegawai Kemajuan Daerah Kuala Langat, Siti Zubaidah Mohamad berkata, pihaknya sentiasa turun padang melihat sendiri segala permohonan yang diterima selain memberi kerjasama dengan pihak parlimen untuk membantu.

Menurutnya, susulan masalah ban yang pecah sebelum ini, pihaknya menerima makluman dari Pejabat Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat melalui Datuk Sulaiman Mohd Karli mengenai permohonan baik pulih ban yang merisaukan pen-

uduk setempat.

“Mujur permohonan tersebut dapat maklum Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam membantu membina ban sepanjang kira-kira 50 meter di kawasan Kampung Melayu, Pulau Carey.

“Mungkin selepas ini jika ada keperluan lagi kita akan bantu pula dan kunjungan ke beberapa kawasan termasuk di kawasan jeti juga dilihat memerlukan pembaikan, namun ia masih dalam pemerhatian pihak Pejabat Majlis Pembangunan



SITI ZUBAIDAH

Persekutuan Parlimen (MPPP) Kuala Langat,” katanya kepada Sinar Harian ketika lawatannya ke Kampung Melayu, Pulau Carey, semalam.

Siti Zubaidah berkata, beliau melihat sekiranya keperluan mendesak di sesebuah kawasan itu ada, pihaknya akan segera menyalurkan

bantuan.

Katanya, buat masa ini pihak MPPP Kuala Langat memaklumkan pihaknya akan memantau keperluan itu.



Sulaiman (kanan) sedang mendengar pandangan daripada Siti Zubaidah ketika mengadakan lawatan ban di Kampung Melayu, Pulau Carey semalam.